

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL.

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)

Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia

Tel.: 088-369900/369901
Faks: 088-211016

Rujukan: JKM. 100-4/62 Jld. 3 (9)
Tarikh: 01 November 2019

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2019

PELAKSANAAN AMALAN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA (*SINGLE-USE PLASTICS*) DI KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeling Am ini bertujuan untuk menyediakan panduan mengenai pelaksanaan Amalan Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna (*Single-Use Plastics*) di Kementerian dan Agensi Kerajaan Negeri Sabah.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kerajaan amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan kepada alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara.
- 2.2. YAB. Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri Malaysia pada 18 Julai 2018 telah memberi perhatian serius agar dilaksanakan larangan penggunaan produk-produk plastik sekali guna bermula dengan beg plastik dan straw plastik.

- 2.3. Sehubungan itu, Jemaah Menteri Malaysia telah meluluskan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030* pada 10 Oktober 2018 dan menyarankan semua kementerian perlu memainkan peranan antara lain, dengan mengadakan kempen-kempen seperti tiada lagi penggunaan produk-produk plastik sekali guna di pejabat-pejabat kerajaan.
- 2.4. *Roadmap* ini juga dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-132 pada 16 Oktober 2018 dan telah diterima baik oleh semua ahli mesyuarat.
- 2.5. Selaras dengan *roadmap* tersebut, Kerajaan Negeri Sabah bersetuju agar semua kementerian / agensi negeri memberikan kerjasama dalam pelaksanaan *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics* dan mengamalkan inisiatif *Zero Single-Use Plastics*.

3. TAFSIRAN

- 3.1. **Kementerian dan Agensi Kerajaan Negeri** bermaksud semua Kementerian, Jabatan, Agensi, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri.
- 3.2. **Plastik sekali guna** bermaksud bahan yang diperbuat daripada plastik yang digunakan hanya sekali dan kemudian dibuang seperti botol mineral, straw plastik, beg plastik dan bekas makanan plastik sekali guna.

4. PANDUAN MENGHINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA

- 4.1. Semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Negeri hendaklah menghindari atau mengelakkan penggunaan plastik sekali guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan melalui amalan-amalan seperti berikut:
 - a. Menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan bekas air;
 - b. Menggantikan pembalut plastik (*plastic wrap*) di piring/pinggan/mangkuk dengan penutup makanan yang boleh digunakan semula;

- c. Tidak menyediakan piring/pinggan/mangkuk/cawan/ kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan
 - d. Menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.
- 4.2. Semua pegawai di bawah Kementerian dan Agensi Kerajaan Negeri adalah digalakkan untuk mengamalkan perkara-perkara berikut:
- a. Membawa bekas makanan, sudu, garpu, straw serta kutleri berkaitan yang boleh diguna semula untuk kegunaan peribadi;
 - b. Menggunakan beg yang boleh digunakan semula semasa membeli-belah; dan
 - c. Menghebahkan amalan menghindari penggunaan plastik sekali guna kepada keluarga dan rakan-rakan.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

6. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung pekeliling ini, hubungi:

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar
Tingkat 5, Blok A
Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing
88300 KOTA KINABALU

No. Telefon : 088-253666/088-210848
No. Faksimili : 088-267064
Laman Web : <http://kepkas.sabah.gov.my>

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA HASHIM PAIJAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri